



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 15 DISEMBER 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BEKERJASAMA ATASI ISU BEKALAN MAKANAN, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	FAMA TOLD TO BE MORE PROACTIVE, NEWS/NATION, NST -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4.	IKAN TERMENUNG TIBA-TIBA BANYAK, NEGARA, KOSMO -16 STRAWBERI IMPORT PENUH GERAJ DI CAMERON HIGHLANDS, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/12/2022	KOSMO	NEGARA	6

## Bekerjasama atasi isu bekalan makanan

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan menjalin kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi menyelesaikan isu bekalan makanan.

Menterinya, Mohammad Sabu berkata, pihaknya telah mengadakan pertemuan dengan Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayob di Putrajaya semalam dan satu rangka kerjasama serta strategi telah disusun untuk menyelesaikan isu berkenaan.

Jelas beliau, pertemuan yang berlangsung hampir dua jam itu telah membincangkan isu kecukupan bekalan makanan

serta isu-isu yang sedang dihadapi dan bersangkutan-paut dengan kedua-dua kementerian.

“Saya dimaklumkan tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kedua-dua kementerian ini dan saya harap segala perancangan dan strategi yang diatur dapat dijayakan untuk kebaikan Malaysia.

“Kami (MAFS) dan KPDN juga sepakat untuk terus bekerja bersama-sama demi Malaysia yang lebih baik,” katanya di laman Facebook semalam.

Tambah Ahli Parlimen Kota Raja itu, pertemuan tersebut turut disertai Ketua Setiausaha (KSU) MAFS dan KSU KPDN serta para pegawai dari kedua-dua kementerian terbabit.



**MOHAMAD (tiga dari kiri) bersama Salahuddin di Putrajaya semalam.**

SUPPLY CHAIN ISSUES AND PRICE HIKES

# FAMA TOLD TO BE MORE PROACTIVE

PM instructs Fama to undertake measures to ease people's burden

NOR AIN MOHAMED RADHI AND QISTINA SALLEHUDDIN PUTRAJAYA  
 news@nst.com.my

**T**HE Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has been told to be more proactive in tackling supply chain problems and rising costs.

Prime Minister Daruk Seri Anwar Ibrahim said: "This was raised during the Naccol (National Action Council on Cost-of-Living) meeting on Tuesday, where we discussed the issues

concerning regular citizens, the marketing structure at the production side and the market where the gap is, at times, huge.

"For example, like last year, there was a huge problem affecting Cameron Highlands farmers where they had to dispose their unsold products, faced problems with buyers, transportation challenges and so on.

"I have instructed Fama to give a full report and undertake adequate measures to ease this plight," he said after the cabinet meeting yesterday.

He added that related ministries, departments and agencies entrusted with the task must be more proactive in addressing the situation.

On Tuesday, the Naccol meeting was held for related ministries to present comprehensive papers after they held en-



People buying food supplies at the Chow Kit wet market in Kuala Lumpur on Monday. PIC BY AZUDDIN SAAD

agement sessions with the relevant parties. Anwar added that various methods of government interventions at the consumer level would be studied in keeping the prices of goods in check.

The prime minister also said the ongoing discussion on the probe of management and operation issues faced by Tabung Haji (TH) would continue in January 2023.

Anwar said the former justice, Tun Mohamed Raus Shaif who leads the Royal Commission of Inquiry (RCI) to investigate issues faced by TH had briefed the government on the issue.

"The cabinet meeting dis-

cussed several issues, including the RCI reports on TH, where Raus had given the briefing.

"The discussion would be continued in January on matters relating to its (TH) management and ways to improve (moving forward)," he told a press conference after the cabinet meeting yesterday.

Last July, the government announced the setting up of the RCI to look into issues linked to TH audits conducted by independent auditors such as PricewaterhouseCoopers, Ernst & Young and Roland Berger from 2014 to 2020.

The decision to form the RCI, under the Commission of En-

quiry Act 1950, was agreed upon in the cabinet to probe matters and take remedial steps to mend people's perception towards TH and ensure good governance.

Meanwhile, Anwar added that the cabinet had also discussed flood issues that hit several states in the country.

"The Deputy Prime Minister Daruk Seri Dr Ahmad Zabid Hamidi will observe and will travel to Kelantan tomorrow (today) to identify the problem.

"We will also take precautionary measures. The approach is now different and we will not wait until the flood happens (to take measure)," he said.

## Peniaga terkejut pembekal hantar bekalan kerana sebelum ini sukar diperoleh

# Ikan temenung tiba-tiba banyak

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Bekalan ikan temenung atau kembang yang banyak di pasaran negeri ini semalam mengejutkan ramai peniaga hasil laut itu.

Rata-rata peniaga ikan di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut mendakwa, mereka sudah beberapa minggu berdepan kesukaran untuk memperoleh stok ikan temenung daripada pembekal.

Seorang peniaga ikan yang hanya mahu dikenali sebagai Shreen, 49; berkata, dia tidak menyangka kuantiti bekalan itu tiba-tiba menjadi banyak dan dihantar pembekal pada awal pagi semalam.

Menurutnya, sebelum ini pembekal memberi alasan faktor cuaca tidak menentu ketika ini termasuk musim angin Timur Laut dikatakan menjadi punca utama kekurangan bekalan.

"Hari ini (semalam) ikan kembang dihantar dalam jumlah banyak. Saya menerima satu tong bekalan ikan temenung dengan anggaran kira-kira 50 hingga 60 kilogram (kg).

"Difahamkan, ada juga peniaga menerima kira-kira 100 kg ikan itu. Saya pun terkejut sebab tiba-tiba ikan temenung jadi banyak dan semuanya dalam keadaan



SEORANG pembeli memilih ikan temenung yang sebelum ini sukar diperoleh di sebuah pasar pasar awam di daerah Barat Daya, Pulau Pinang semalam.

segar, isi lemak dan bersalz besar," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Semalam, harga bagi ikan temenung bersalz besar dijual RM18 sekilogram (11 hingga 12 ekor) dan RM8 untuk 500 gram (g) (lima hingga enam ekor);

manakala saiz kecil pula dijual RM14 sekilogram dan RM7 hingga RM8 (setengah kilo).

Harga nelayan kepada peraih pula dianggarkan antara RM12 hingga RM14 sekilogram.

Sementara itu, seorang pembeli, Siti Rapih Mahmud, 62,

pula memberitahu, dia juga tidak menyangka bekalan ikan jenis itu dengan saiz agak besar kembali berada di pasaran.

"Sudah lama saya tak beli dan jumpa ikan temenung di pasar. Apatah lagi cuaca kini yang tidak menentu. Jika ada pun ikan ber-



KERATAN Kosmo! semalam.

saiz nipis dan kurang sejangkal.

"Hari ini (semalam), memang dapat beli ikan temenung pada harga RM8 setengah kilo. Bukan sahaja besar, tetapi isinya pula tebal. Ada juga peniaga yang jual ikan saiz kecil dan nipis.

"Saya beli sebanyak 500 gram dengan kuantiti hanya lima ekor ikan temenung sahaja. Cukuplah untuk dijamu bersama anak dan cucu dalam dua hari ini," ujarnya.

Semalam, Kosmo! melaporkan, peraliran dari Pulau Rimau ke Pulau Kendi di negeri ini kini dikatakan menjadi tumpuan kira-kira 200 nelayan pantai bahagian Selatan negeri ini termasuk dari Kedah serta Perak untuk mencari hasil tangkapan ikan temenung setiap hari.

Nelayan sanggup menghabiskan masa dengan keluar dari awal pagi dan pulang petang semata-mata mahu mencari hasil laut lumayan itu.

## Strawberi import penuh gerai di Cameron Highlands

**CAMERON HIGHLANDS** – Para pelancong yang datang untuk menikmati keenakan buah strawberi di sekitar lokasi pelancongan di sini pada musim cuti sekolah hampa apabila mendapati, rata-rata gerai menjual buah yang diimport.

Bukan sahaja diimport, harga strawberi itu juga dikatakan sedikit mahal berbanding sebelum ini.

Rata-rata mereka berpendapat, perkara itu ia tidak seharusnya berlaku kerana strawberi cukup sinonim dengan Cameron Highlands sejak sekian lama.

Kedua-dua itu dipercayai berlaku akibat musim hujan serta kekurangan cahaya matahari secara terus di kawasan berkenaan hingga menyebabkan strawberi tidak dapat dihasilkan seperti biasa.

Menurut pelancong tempatan dari Sungai Besar, Selangor, Mohd. Shakir Mohd. Shazali, 34, dia dan keluarga mengunjungi Kampung Taman Sedia di sini



SEORANG pekerja Opah Farm menyusun produk jualan di hadapan premis perniagaan di Kampung Taman Sedia, Cameron Highlands semalam.

bagi menikmati hidangan berasaskan strawberi.

"Agak kecewa juga apabila rata-rata gerai di sini mengakui menjual buah diimport kerana

mereka tidak menerima bekalan daripada pengusaha tempatan.

"Bagaimanapun, kami sekeluarga membeli juga strawberi tersebut kerana itu tujuan utama

menunjungi lokasi pelancongan berkenaan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Bagi Nur Sarah Mohd. Hafez, 27, dari Nilai, Negeri Sembilan pula, dia dan rakan-rakan membeli buah tersebut walaupun ia dijual pada harga agak mahal daripada biasa.

Katanya, harga mahal itu mungkin disebabkan kekurangan bekalan strawberi yang dialami golongan peniaga di situ.

"Biasanya, saya beli buah ini kira-kira RM15 hingga RM20 bagi setiap 300 gram (g), tetapi hari ini (semalam) ia dijual antara RM25 hingga RM30.

"Disebabkan saya dan rakan-rakan datang dari jauh dan tak nak kecewa serta kepunahan, kami beli jugalah buah itu. Kami pejam mata saja," katanya.

Sementara itu, seorang pengusaha gerai strawberi, Mohammad Zulkepli Daud, 58, berkata, mereka mengalami kekurangan bekalan buah tersebut sejak beberapa hari lalu

akibat hujan dan kekurangan cahaya matahari.

"Biasanya kami terima bekalan strawberi setiap hari, tetapi akibat masalah itu, rata-rata pengusaha gerai terpaksa mengimport buah tersebut.

"Ia menyebabkan harga jualan meningkat iaitu boleh mencecah RM30 bagi setiap kilogram (kg) berbanding hari biasa RM10," katanya.

Pandangan sama turut disuarakan Pengurus Opah Farm, Mohd. Hafizuddin Nazinal yang berkata, mereka kini menjual strawberi dari negara seperti Amerika Syarikat dan Mesir.

"Inilah kali pertama kami buat begini. Saya berpandangan, keadaan ini akan berterusan sehingga awal tahun hadapan iaitu apabila cuaca kembali pulih.

"Pada hari biasa, kami boleh menjual kira-kira 150kg strawberi, manakala pada hujung minggu apabila pelancong ramai, jualanannya mencecah 300kg," ujarnya.